

29 MAY 2003

Tajol-Polis

UTAMAKAN MEREKA YANG KUASAI BANYAK BAHASA SEBAGAI SUKARELAWAN

IPOH, 29 Mei (Bernama) -- Polis Diraja Malaysia (PDRM) disaran mengutamakan individu yang mempunyai kebolehan berkomunikasi dalam banyak bahasa sebagai anggota pasukan sukarelawan mereka.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata usaha ini perlu kerana khidmat sukarelawan polis amat diperlukan bagi membantu pelancong luar yang datang ke negara ini.

Katanya, perkara ini semakin ketara ketika musim perayaan apabila ramai pelancong luar datang ke Malaysia dan kehadiran sukarelawan polis yang mahir pelbagai bahasa boleh memudahkan pelancong asing melawat tempat-tempat menarik di Malaysia.

"Merek yang mempunyai kebolehan berkomunikasi dalam banyak bahasa dan berminat menjadi sukarelawan polis boleh diletakkan sebagai polis pelancong terutama di bandar-bandar besar," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra Bersama Pasukan Sukarelawan Polis Perak, di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Polis Perak, Datuk Amiruddin Embi dan Komandan Sukarelawan Polis Perak, Supt Nordin Mat Ali.

Tajol Rosli berkata sukarelawan polis ini patut diberikan latihan yang setaraf dengan latihan anggota-anggota polis biasa kerana sewaktu bertugas mereka menghadapi risiko yang sama.

Sementara itu, Nordin berkata kuota bagi sukarelawan polis di setiap negeri adalah 491 orang, tetapi di Perak buat masa ini hanya ada 200 orang dan awal bulan lepas telah diadakan pemilihan bagi mengisi kekosongan itu.

"Dalam bulan Julai ini, mereka yang terpilih akan dimaklumkan. Bagi negeri Perak kita merancang setiap daerah ada kira-kira 52 orang anggota.

"Kebiasaannya anggota sukarelawan ini bertugas lima jam sehari, tetapi jika ada permintaan mereka bersedia membantu agensi penguatkuasaan jika ada permintaan," katanya.

-- BERNAMA

KAY ZB